Cabaran latihan perang

» *Pahit getir 'berkampung' dalam hutan uji mental, fizikal anggota wanita Askar Wataniah*

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Semangat kepahlawanan yang disulam dengan minat menebal menjadi bekalan kuat kepada kira-kira 400 anggota wanita yang kini menyertai pasukan Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah Kem Taman Gelora, Kuantan.

Mereka adalah kakitangan awam termasuk pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Kolej Universiti Shahputra (UCSA).

Setiap sesi latihan kawat dan peperangan di hutan disertai tanpa sebarang masalah. Kelembutan yang sebelum ini milik golongan Hawa itu ternyata bukan penghalang untuk mereka menyarung pakaian seragam.

Bagi Lans Koperal Khairunnieysa Abd Yamin, 26, pelajar tahun akhir Ijazah Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UMP, minat mendalam terhadap pasukan keselamatan mendorongnya menyertai Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah sejak dua tahun lalu.

Katanya, walaupun terpaksa berhadapan pelbagai cabaran dan dugaan setiap kali mengikuti latihan, namun keadaan itu tidak menjejaskan semangatnya bersama pasukan sukarela berkenaan.

Cabaran paling sukar

"Mungkin darah tentera yang mengalir dalam badan saya bersama keberanian mempertahankan keamanan negara menjadi pencetus untuk menganggotai Askar Wataniah sebaliknya tidak bersama pasukan beruniform lain.

"Ayah seorang bekas tentera dan mungkin semangat yang dimiliki turun kepada saya. Setiap aktiviti bersama pasukan dilalui tanpa sebarang masalah walaupun ada ketikanya begitu membebankan," katanya yang berasal dari Tumpat, Kelantan.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian latihan tempatan Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Leftenan Kolonel Tengku Datuk Seri Kamarulzaman Sultan Abu Bakar di Dataran Q POLISAS Semambu, Kuantan, baru-baru ini.

Khairunnieysa berkata, latihan peperangan antara cabaran yang begitu sukar dihadapi terutama apabila terpaksa meredah hutan dan bermalam dalam khemah, keadaan ketika itu begitu memenatkan.

Beliau berkata, disebabkan tidak tahan dengan sejuk, beliau sentiasa berhadapan masalah setiap kali mengikuti latihan peperangan di hutan, namun demi tanggungjawab, setiap ujian dilalui dengan tabah.

Kuatkan mental dan fizikal

Bekas pelajar Sekolah Agama Al Maarif FELDA Bukit Goh, Kuantan, Lans Koperal Shasaratinor Hidayu Mat Aziz, 21 berkata, sukakan cabaran menjadi pendorong utama kepadanya menyertai pasukan Askar Wataniah sejak dua tahun lalu.

Cabaran menyebabkan beliau tidak pernah menghadapi sebarang masalah setiap kali menyertai latihan kawad termasuk perkhemahan dalam hutan yang menguji ketahanan setiap anggota.

"Kekuatan mental dan fizikal perlu ada pada setiap anggota askar wataniah setiap kali menjalani latihan. Tidak ada istilah manja dan tidak boleh buat selagi kita tidak mencubanya sama seperti anggota lelaki.

"Tahap disiplin yang tinggi dengan mematuhi arahan, menepati masa dan sentiasa bersedia perlu ada pada setiap anggota bagi menjaga imej diri termasuk pasukan," katanya yang akan melanjutkan pengajian dalam bidang agama.

Latihan mematangkan diri

Bagi Lans Koperal Norazzipah Nor Ahmad, 23, selepas dua tahun menganggotai pasukan Askar Wataniah pelbagai pengalaman pahit dan manis dirasai mampu mematangkan diri bagi menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Katanya, golongan muda yang menganggotai askar wataniah mampu membentuk keperibadian cemerlang terutama membabitkan disiplin, hanya mereka yang taat pada arahan sahaja layak bergelar anggota askar.

"Saya berbangga apabila semakin ramai generasi muda menganggotai pasukan Askar Wataniah, selain pelajar kakitangan awam turut tampil dengan misi menjadi benteng kedua mempertahankan keamanan negara.

"Walaupun hanya sebagai anggota sukarela, namun semangat yang ada pada anggota sama dengan pasukan keselamatan lain di negara ini, tidak ada istilah 'penumpang' kerana keamanan negara perlu dipelihara secara bersama," kata anak bongsu daripada lima adik-beradik.

Beliau yang belajar dalam Jurusan Mekatronik di UMP berkata, menjadi tanggungjawab semua pihak memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan terkawal, bebas daripada ancaman musuh.

Penyertaan wanita membanggakan

Sementara itu, Kamarulzaman berkata, pihaknya sentiasa mengalu-alukan penyertaan golongan wanita menyertai pasukan Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah.

"Kita mengadakan pelbagai promosi bagi menarik minat golongan berkenaan menyertai pasukan wataniah, saya gembira kini semakin ramai wanita tampil merebut peluang disediakan.

"Selain kakitangan awam, pelajar dari POLISAS, UMP, UCSA dan KIPSAS paling ramai menganggotai pasukan Askar Wataniah," katanya.

*Anggota wanita **menyertai majlis perasmian latihan tempatan** Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah.*

> *"Kekuatan mental dan fizikal perlu ada pada setiap anggota Askar Wataniah setiap kali menjalani latihan. **Tidak ada istilah manja dan tidak boleh buat**"*
>
> ***Shasaratinor Hidayu Mat Aziz,** Bekas pelajar Sekolah Agama Al Maarif FELDA Bukit Goh, Kuantan*

*Pegawai Memerintah Pertama Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah, Leftenan Kolonel Tengku Datuk Seri Kamarulzaman Sultan Abu Bakar **memakaikan pangkat kepada anggota Askar Wataniah.*** (FOTO MOHD RAFI MAMAT / BH)

Institusi pertahanan jana generasi cemerlang akademik, jati diri

TAHUKAH ANDA

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bertujuan melahirkan lebih ramai pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kelulusan asas ijazah sarjana muda.

Universiti yang terletak di Kuala Lumpur ini turut dibuka kepada semua pihak. Sejarah UPNM sebenarnya bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1 Jun 1995.

Organisasi itu bertanggungjawab menjalankan program pengajian ijazah sarjana muda dan latihan kekenteraan kepada Pegawai Kadet ATM.

Berpengalaman 11 tahun

Peranan ATMA kemudian diperluaskan dengan menjadikannya sebagai UPNM yang diwartakan pada 10 November 2006. Walaupun UPNM memulakan pengambilan kumpulan pertama pelajarnya pada sesi 2007/2008, sebenarnya institusi itu sudah berpengalaman mengendalikan program pengajian peringkat ijazah sarjana muda selama 11 tahun.

Program bermula dari tahun 1995 hingga 2006 melalui kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia.

Seramai 1,017 graduan dilahirkan dalam tiga bidang pengkhususan iaitu kejuruteraan, sains dan pengurusan. Di samping memperoleh kelayakan profesional, semua graduan ditanilahkan sebagai Pegawai ATM dan kini berkhidmat di pelbagai unit dalam Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Setanding institusi pengajian tinggi

UPNM ditubuhkan oleh kerajaan pada 21 Jun 2006 bagi melahirkan graduan tentera dan awam untuk keperluan pengurusan sumber manusia dalam bidang pertahanan.

Perintah perbadanan UPNM dikeluarkan pada 6 November 2006, sesi akademik 2007/2008. Bagi memulakan pengajian sesi 2007/2008, UPNM menubuhkan tiga fakulti di samping Pusat Asasi Pertahanan iaitu Fakulti Kejuruteraan Pertahanan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan serta Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan.

Program akademik yang ditawarkan di fakulti setanding institusi pengajian tinggi awam tempatan dan luar negara.